

DATE: 6 JULY 2013
PUBLICATION: UTUSAN BORNEO
SECTION: BUSINESS
HEADLINE: SONA PETROLEUM AKAN KUMPUL RM550 JUTA MELALUI IPO
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 109.04 CM²

Sona Petroleum akan kumpul RM550 juta melalui IPO

KUALA LUMPUR: Sona Petroleum Bhd, yang akan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 30 Julai, berhasrat mengumpul RM550 juta menerusi tawaran awam permulaannya (IPO).

Langkah IPO itu melibatkan jumlah penawaran 1.1 bilion saham baharu, satu sen setiap

satu, bersama-sama 1.1 bilion waran boleh cerai percuma.

Ia adalah berdasarkan kepada satu waran untuk setiap saham terbitan awam pada harga 50 sen sesaham.

Selepas penyenaraian, Sona Petroleum dijangka mempunyai permodalan pasaran berjumlah sehingga

RM705.4 juta.

Pengerusi Bukan-Eksekutif Bebas, Andreas Johannes Raymundus van Strijp berkata perolehan daripada IPO itu akan membolehkan syarikat menguasai syarikat atau aset dalam fasa cari gali dan pengeluaran.

“Dengan potensi industri

yang tampak cerah, kami amat gembira kerana diberikan peluang untuk menerajui Sona Petroleum,” kata beliau dalam satu kenyataan.

CIMB dan RHB adalah penasihat utama bersana, ejen penempatan bersama dan penaja jamin pengurusan bersama. — Bernama